

**TEKS UCAPAN  
YANG BERUSAHA PROF. DR. AHMAD TAUFEEK  
ABDUL RAHMAN  
REKTOR UİTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA  
RED RIBBON FOR UNITY FUN**

**12 JANUARI 2025 | AHAD | 8.00 PAGI  
DEWAN SERBAGUNA  
UİTM CAWANGAN SELANGOR  
KAMPUS PUNCAK ALAM DAN SEKITARNYA**

**Terima kasih Pengacara Majlis**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN  
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL  
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI  
WASOHBIHI AJMAIN**

**YBrs. Profesor Madya Dr Norazmir Md Nor**  
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar

**YBrs. Dr Wan Rafidah Zawani Wan Ali**  
Penasihat 1 Kelab Program Siswa Sihat (PROSIS)

**YBrs Puan Fazera Mohd Nordin**  
Penasihat 2 Kelab Program Siswa Sihat  
Merangkap Penasihat Program Red Ribbon for Unity  
Run

**Saudara Muhammad Norakmal Aiman Mahat**

Selaku Pengarah Program

Barisan ahli Jawatankuasa Penganjur

Para pelajar yang dikasihi, para peserta program, warga UiTM Cawangan Selangor, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan  
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita ke hadrat Ilahi yang telah memberikan kita segala nikmat dan dengan rahmat-Nya, kita semua dapat berkumpul pada pagi yang indah ini.
2. Sekalung tahniah dan syabas buat semua para peserta program ***Red Ribbon for Unity Run***

kerana tanpa kehadiran anda, program ini tidak mungkin dapat dijayakan.

3. Setinggi penghargaan buat semua ahli jawatankuasa penganjur atas segala usaha dan komitmen yang dicurahkan bagi memastikan kelancaran program.

**Para peserta yang dihormati,**

4. Saya dimaklumkan, penganjuran program ini adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada semua peserta dalam bersama-sama bersatu mencegah penyakit HIV/AIDS yang semakin meningkat di negara kita.
5. Untuk pengetahuan semua , Sambutan Hari AIDS Sedunia disambut pada 1 Disember setiap tahun, dan pada tahun 2024 Sambutan Hari AIDS

Sedunia ini bertemakan ***Take The Rights Path "My Health, My Rights"***.

6. Walaupun program ini telah dianjak atas faktor-faktor yang tidak dapat dielakkan, saya percaya penganjurannya adalah bertepatan dengan tema Sambutan Hari AIDS Sedunia 2024.
7. Saya turut difahamkan, program hari ini adalah satu inisiatif untuk menyeru para peserta semua bersatu dalam mengambil langkah proaktif terhadap penjagaan kesihatan diri terutamanya dalam menangani isu penyakit berjangkit seperti penyakit HIV bagi mencapai matlamat ***Malaysian National Strategic Plan For Ending AIDS - Ending AIDS by 2030***
8. Mengikut data yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2023, sekitar

3,200 kes baharu HIV telah dilaporkan dan angka ini kekal stabil pada tahun 2024.

9. Manakala dari segi usia, sebanyak 44 peratus daripada jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan adalah melibatkan individu berusia 20 hingga 29 tahun - iaitu golongan usia pelajar.

10. Negeri Selangor juga telah mencatatkan jumlah penghidap HIV tertinggi dengan 1,062 kes berbanding dengan negeri data kes terendah iaitu Perlis yang hanya 18 kes.

11. Peningkatan kes jangkitan HIV dikalangan golongan remaja ini adalah berpunca dari aktiviti sosial dan pengaruh rakan sebaya serta budaya atau amalan gaya hidup yang tidak sihat seperti pengambilan dadah untuk aktiviti keseronokan .

12. Justeru, pada hari ini saya menyambut baik usaha yang dilakukan oleh pihak penganjur dalam memberi kesedaran kepada semua peserta program dan menyeru semua yang hadir untuk bersama bersatu dalam aktiviti larian pada hari ini sebagai tanda menyokong ***Malaysian National Strategic Plan for Ending AIDS by 2030.***

**Para peserta yang dihormati sekalian,**

13. Saya percaya, dengan melaksanakan aktiviti fizikal seperti larian, badan kita dapat menghasilkan lebih banyak hormon endorphen yang boleh membantu mengurangkan stress serta memastikan badan kita kekal cergas dengan minda yang lebih sihat.

14. Bahkan saya juga melihat program ini sebagai langkah yang baik untuk para peserta membina hubungan baik dan merapatkan ukhwah.

15. Akhir kata, tahniah dan syabas sekali lagi kepada pihak penganjur dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan acara ini.

Berlari laju di dalam kampus,  
Semangat tinggi jangan terhapus,  
Tubuh sihat paling utama,  
Hidup ceria senyum gembira.

16. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan program ***Red Ribbon for Unity Run.***

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah  
Wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.**